

08/11/2003

PM mahu BN lebih kuat (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Barisan Nasional (BN), walaupun sudah kukuh, menjadi lebih kuat lagi bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri, yang dipilih sebulat suara sebagai pengerusi baru BN berkata, gabungan 14 parti itu sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum bila-bila masa.

Pilihan raya umum ke-11 perlu diadakan sebelum November 2004, tetapi jika diadakan serentak dengan pilihan raya Sabah, ia perlu diadakan sebelum Jun tahun depan.

"Kalau minggu depan pun, kalau kita dah bubar Parlimen dan akan pilihan raya, kita sudah pun bersedia. Tetapi, walaupun kita bersedia, kita mahu lebih bersedia, kita mahu menjadi lebih kuat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Tingkat 38, Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Ini adalah kali pertama Abdullah mempengerusikan mesyuarat itu setelah menjadi Perdana Menteri. Semua pemimpin 14 parti komponen, kecuali Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) yang mengalami masalah kepemimpinan, hadir pada mesyuarat selama lebih dua jam itu.

Sebelum mesyuarat bermula, semua pemimpin BN sebulat suara melantik Abdullah sebagai Pengerusi BN yang baru sejajar dengan keperluan Perkara 7 (iii)(a) Perlembagaan BN, iaitu berkaitan pemilihan pengerusi.

Abdullah berkata, semua parti komponen BN juga sepakat untuk tidak melobi pengagihan kerusi bagi dipertandingkan pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, soal pembahagian kerusi dilakukan secara adil dengan mengambil kira segala-galanya, tanpa perlu bagi mana-mana parti komponen untuk melobi seperti sebelum ini.

Beliau bagaimanapun berkata, mesyuarat semalam tidak membincangkan soal pengagihan kerusi. Perkara itu hanya akan dibincang apabila tiba masanya.

"Mereka yang menghadiri mesyuarat juga tidak bertanya atau membangkitkan isu pengagihan kerusi kerana masing-masing sudah berpakat.

Abdullah terharu sokongan sebulat suara

"Pada masa ini sukar untuk memastikan sama ada akan berlaku pertukaran kerusi di kalangan parti komponen tetapi jika ada sekalipun, ia akan dibuat berdasarkan persetujuan bersama," katanya.

Sementara itu, ditanya oleh seorang wartawan televisyen Singapura mengenai kenyataan parti pembangkang bahawa keputusannya untuk tidak menamakan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sekarang menunjukkan beliau tidak mempercayai sesiapa pun, Abdullah berkata:

"Mereka boleh katakan apa yang mereka suka, saya yang akan memutuskannya, ia hak saya. (Sama ada) sebelum atau selepas (pilihan raya) saya akan putuskan masanya. Ia adalah keputusan yang perlu saya buat," katanya.

Beliau berkata, soal kekosongan jawatan timbalan pengerusi BN yang dikosongkannya juga tidak dibincangkan pada mesyuarat itu.

Abdullah turut menyatakan perasaan terharunya atas sokongan sebulat suara yang diberikan oleh semua parti komponen kepadanya bagi menerajui BN.

"Dewan Tertinggi BN sebulat suara telah melantik saya sebagai Pengerusi dan saya mengucapkan terima kasih kepada mereka. Saya terharu dengan

sokongan sebulat suara yang telah diberikan oleh semua yang hadir.

"Semua parti komponen tadi telah diwakili oleh pemimpin masing-masing," kata Abdullah.

Kerusi Pengerusi BN kosong berikutan persaraan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad daripada semua jawatan yang dipegangnya pada 31 Oktober yang lalu.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, yang dihubungi berkata perlantikan Abdullah sebagai pengerusi BN baru telah mendapat persetujuan penuh daripada semua ahli dewan tertinggi.

Katanya, 13 daripada 14 parti komponen BN menghadiri mesyuarat itu dan mereka diwakili oleh ketua parti masing-masing.

"Hanya Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) tidak diwakili ke mesyuarat hari ini (semalam) kerana mereka tidak dijemput menghadiri mesyuarat itu.

"Ini kerana kita masih menunggu pengesahan daripada Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengenai kedudukan parti itu. Setakat ini ROS ada menulis kepada ibu pejabat BN untuk memaklumkan bahawa mereka masih menjalankan siasatan terhadap parti itu," katanya sambil menambah, PBDS sendiri bagaimanapun masih anggota BN.